

Dianjak layu dicabut mati

OLEH kerana banyak kekeliruan yang timbul dan kadangkala sengaja diada-adakan untuk jadi bahan perisa bualan mengenai adat perpatih yang terpakai di Negeri Sembilan itu, rasanya ada baiknya saya huraikan dalam tulisan ini secara bersiri pendek untuk pengetahuan dan perhatian umum.

Di akhir-akhir ini kedatangan pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi yang berminat untuk membuat tesis mereka dan mengkaji secara ilmiah mengenai.

Memang kekeliruan ini boleh timbul bukan saja dari orang-orang luar Negeri Sembilan malah anak-anak Negeri Sembilan sendiripun tidak sedikit



Oleh:

A. Samad Idris

yang tersalah anggap mengenainya.

Saya berkata begitu bukan saja kepada orang lain tetapi kepada diri saya sendiri. Sebelum saya membuat kajian yang agak jauh sedikit mengenainya terutama di zaman - zaman re-

maja dulu, saya juga beranggapan bahawa sistem dan pemakaian adat perpatih yang diamalkan oleh orang-orang tua dulu sudah lapuk dan ketinggalan zaman.

Setelah saya mendalami sedikit dan meninjau secara dekat di tempat asal kelahirannya iaitu Minangkabau, maka tanggapan awal saya mengenainya adalah silap.

Perkara utama yang sering menjadi kekeliruan sejak dulu hingga sekarang ialah mengenai pepatah yang menyebutkan 'biar mati anak jangan mati adat,' 'dianjak layu dicabut mati' dan banyak lagi. InsyaAllah, minggu depan akan saya huraikan secara terperinci mengenainya.